

20 JUL 2000

PERDANA MENTERI TIBA DI IPOH

IPOH, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, untuk menemui Sarjan Mohd Shah Ahmad dan keluarga mendiang Sarjan R.Sagadevan yang dijadikan tebusan dalam isiden rompakan bersenjata di Sauk.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah dekat sini pada pukul 4 petang ini.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Diraja Mohamad Tajol Rosli Ghazali dan anggota-anggota exco Kerajaan Negeri.

Dr Mahathir kemudian terus menaiki kereta menuju ke Kuala Kangsar untuk menemui Mohd Shah dan anggota keluarga mendiang Sagadevan yang dibunuh dalam kejadian itu.

Pada 2 Julai, sekumpulan 15 orang anggota kumpulan Al-Ma'unah merompak lebih 100 senjata dan beribu-ribu butir peluru dari dua kem tentera di Gerik, Perak dan menahan empat tebusan ketika bersembunyi bersama-sama 13 lagi rakan mereka di Bukit Jenalek, Sauk kemudian.

Kumpulan itu telah membunuh dua daripada tebusan iaitu Sarjan Sagadevan dan seorang anggota pasukan komando, Mathew ak Medan sebelum menyerah diri kepada polis pada 6 Julai.

-- BERNAMA

PBA PR